



Singapore Examinations and Assessment Board

---

**Singapore–Cambridge General Certificate of Education  
Ordinary Level (2022)**

**Malay  
Bahasa Melayu  
(Syllabus 1148)**

**(For Year of Examination from 2016)**

## **KANDUNGAN**

---

	<i>HALAMAN</i>
<b>OBJEKTIF PENILAIAN</b>	<b>3</b>
<b>HASIL PEMBELAJARAN</b>	<b>3</b>
<b>FORMAT PEPERIKSAAN</b>	<b>4</b>
<b>JADUAL PENGKHUSUSAN</b>	<b>6</b>
<b>SENARAI PERIBAHASA</b>	<b>8</b>
<b>RUBRIK PEMARKAHAN</b>	<b>14</b>

---

**1 OBJEKTIF PENILAIAN**

Peperiksaan Bahasa Melayu GCE Peringkat Biasa bertujuan untuk mengukur tahap pencapaian dan kecekapan calon dalam bidang bahasa berdasarkan objektif Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Peringkat Sekolah Menengah 2011, Kementerian Pendidikan.

Peperiksaan Bahasa Melayu bertujuan untuk menilai keupayaan calon:

- (a) mendengar, memahami dan menilai pertuturan dalam situasi formal dan tidak formal termasuk dalam siaran media massa serta memberikan respons yang wajar;
- (b) bertutur dengan fasih dan jelas dengan menggunakan sebutan baku dan memberikan pendapat serta hujah-hujah yang kritis untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi;
- (c) berinteraksi secara lisan dengan fasih dan jelas dengan menggunakan sebutan baku untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi;
- (d) membaca, memahami dan menghayati pelbagai bahan cetak dan bukan cetak serta bahan digital untuk memperoleh dan memproses maklumat dan menyampaikannya dengan berkesan sesuai dengan tujuan, khalayak dan situasi;
- (e) menulis teks pelbagai genre dengan jelas dan berkesan untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi;
- (f) berinteraksi melalui penulisan dengan jelas dan berkesan untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi; dan
- (g) menggunakan bahasa baku yang merangkumi tatabahasa, ejaan dan tulisan, kosa kata, istilah, laras bahasa dalam konteks dan aktiviti yang berbeza-beza.

**2 HASIL PEMBELAJARAN**

Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah 2011 yang dihasilkan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, pada akhir pendidikan sekolah menengah kursus Bahasa Melayu GCE Peringkat Biasa, pelajar harus berupaya untuk:

- (a) mendengar, memahami dan menghayati pelbagai jenis teks untuk menjalankan tindak balas berdasarkan pelbagai konteks, tujuan, khalayak dan situasi secara lisan atau bukan lisan;
- (b) bertutur dengan jelas, lancar dan berkesan sesuai dengan tujuan, khalayak dan konteks dengan menggunakan sebutan baku dan boleh berinteraksi sosial terutama tentang hal-hal serantau dan dunia dengan bertatasusila;
- (c) berinteraksi secara lisan dengan fasih dan jelas dengan menggunakan sebutan baku untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi;
- (d) membaca pelbagai jenis teks dengan jelas dan betul bagi tujuan pemahaman dan penghayatan dan memberikan respons yang sesuai berdasarkan tujuan, situasi dan khalayak;
- (e) menulis pelbagai jenis teks secara berkesan, dengan menggunakan laras bahasa yang sesuai dan berkesan untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi; dan
- (f) berinteraksi melalui penulisan dengan jelas dan berkesan untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi.

### 3 **FORMAT PEPERIKSAAN**

Format peperiksaan bagi Bahasa Melayu GCE Peringkat Biasa terbahagi kepada:

Kertas 1: Penulisan Fungsional dan Penulisan Esei

Kertas 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman

Kertas 3: Lisan dan Kefahaman Mendengar

#### **Kertas 1: Penulisan Fungsional dan Penulisan Esei – 60 markah (30%)**

Kertas 1 mengandungi dua bahagian; Bahagian A dan Bahagian B. Calon dikehendaki menjawab dua soalan; satu daripada Bahagian A dan satu lagi daripada Bahagian B. Masa yang diperuntukkan ialah 2 jam. Kamus yang diluluskan boleh digunakan.

##### ▪ **Bahagian A: Penulisan Fungsional – 20 markah (10%)**

Calon dikehendaki menjawab satu daripada dua soalan yang dikemukakan dengan menggunakan sekurang-kurangnya 120 patah perkataan. Calon harus menjawab soalan dalam format e-mel:

- E-mel Tidak Formal  
Calon dikehendaki menulis respons kepada e-mel peribadi.
- E-mel Formal  
Calon dikehendaki menulis e-mel formal berdasarkan maklumat yang diberikan. Sebagai contoh, kepada ruangan forum, untuk melaporkan insiden kepada pihak sekolah dan lain-lain lagi.

##### ▪ **Bahagian B: Penulisan Esei – 40 markah (20%)**

Calon dikehendaki menulis sebuah karangan deskriptif, ekspositori atau naratif dengan menggunakan sekurang-kurangnya 240 patah perkataan.

#### **Kertas 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman – 70 markah (35%)**

Kertas 2 mengandungi tiga bahagian; Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Calon dikehendaki menjawab semua soalan. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 30 minit.

##### ▪ **Bahagian A: Penggunaan Bahasa – 30 markah (15%)**

- Pengimbuhan – 10 markah (5%)  
Bahagian ini mengandungi lima soalan. Calon dikehendaki membubuhkan lima patah perkataan yang digarisi dengan imbuhan yang tepat.
- Peribahasa – 10 markah (5%)  
Bahagian ini mengandungi lima soalan berbentuk mengisi tempat kosong. Calon dikehendaki memberikan peribahasa yang tepat berdasarkan konteks yang diberikan.
- Golongan Kata – 10 markah (5%)  
Bahagian ini mengandungi lima soalan tatabahasa berbentuk melengkapkan teks. Calon dikehendaki memberikan perkataan yang tepat berdasarkan teks yang diberikan.

- **Bahagian B: Kefahaman 1 – 10 markah (5%)**

Bahagian ini mengandungi lima soalan kefahaman berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan 1-2 teks seperti iklan, brosur, poster, risalah, menu dan lain-lain lagi.

- **Bahagian C: Kefahaman 2 – 30 markah (15%)**

Bahagian ini mengandungi 10 soalan berbentuk respons bebas berdasarkan satu teks naratif. Calon dikehendaki menjawab enam soalan kefahaman. Bagi soalan kosa kata, empat perkataan dan/frasa dikenal pasti dan calon dikehendaki memberikan maksud perkataan/frasa tersebut mengikut konteks yang diberikan.

### **Kertas 3: Lisan dan Kefahaman Mendengar – 70 markah (35%)**

Kertas 3 mengandungi dua komponen.

- **Lisan: 70 markah (35%)**

Peperiksaan Lisan terdiri daripada dua bahagian. Masa yang diperuntukkan adalah lebih kurang 15 minit. Calon diberi masa persiapan selama 10 minit.

- **Bahagian A: Bacaan Lantang – 10 markah (5%)**

Calon dikehendaki membaca lantang petikan karangan yang dipaparkan pada skrin komputer.

- **Bahagian B: Perbualan – 40 markah (20%)**

Calon dikehendaki menonton klip video pendek (55-60 saat) dan berbual dengan pemeriksa lisan berdasarkan topik yang berkaitan dengan tema klip video yang telah ditonton.

- **Kefahaman Mendengar: 20 markah (10%)**

Bahagian ini mengandungi 10 soalan berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan 6 teks autentik pelbagai genre seperti rencana, iklan, pengumuman, cerpen dan lain-lain lagi. Tiga daripada teks tersebut merupakan teks pendek (satu soalan bagi setiap teks pendek). Masa yang diperuntukkan adalah lebih kurang 30 minit.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk jadual Pengkhususan yang disediakan.

## 4 JADUAL PENGKHUSUSAN

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
1 (2 jam)	<u>Penulisan Fungsional dan Penulisan Esei</u>  Bahagian A Penulisan Fungsional menggunakan format e-mel  <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ E-mel Tidak Formal</li> <li>▪ E-mel Formal</li> </ul>	Respons Bebas	2 (1)	20 (10%)	Panjangnya e-mel haruslah tidak kurang daripada 120 patah perkataan.  Calon dikehendaki menulis respons kepada e-mel peribadi.  Berdasarkan maklumat yang diberikan, calon dikehendaki menulis e-mel formal.
	<u>Bahagian B Penulisan Esei</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Deskriptif</li> <li>▪ Ekspositori</li> <li>▪ Naratif</li> </ul>		3 (1)	40 (20%)	Panjangnya karangan haruslah tidak kurang daripada 240 patah perkataan.
	<i>Jumlah</i>			5 (2)	60 (30%)
2 (1 jam 30 min)	<u>Penggunaan Bahasa dan Kefahaman</u>  Bahagian A Penggunaan Bahasa <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengimbuhan</li> <li>▪ Peribahasa</li> <li>▪ Golongan Kata</li> </ul>	Respons Bebas FIB FIB	5 (5) 5 (5) 5 (5)	10 (5%) 10 (5%) 10 (5%)	
	<u>Bahagian B Kefahaman 1</u>	MCQ	5 (5)	10 (5%)	1-2 teks pendek berdasarkan bahan autentik. Sebagai contoh, iklan, brosur, poster, risalah, menu dan lain-lain lagi.
	<u>Bahagian C Kefahaman 2</u>	OE	10 (10)	30 (15%)	1 teks naratif
	<i>Jumlah</i>			30 (30)	70 (35%)

## 1148 MALAY GCE ORDINARY LEVEL SYLLABUS

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
3 (15 min)	<u>Lisan &amp; Kefahaman Mendengar</u>  <u>Lisan</u>  <u>Bahagian A</u> Bacaan Lantang	OE	1 (1)	10 (5%)	Calon dikehendaki membaca lantang petikan karangan yang dipaparkan pada skrin komputer.
	<u>Bahagian B</u> Perbualan	OE	1 (1)	40 (20%)	Calon dikehendaki menonton klip video pendek (55-60 saat) dan berbual dengan pemeriksa lisan berdasarkan topik yang berkaitan dengan tema klip video yang telah ditonton.
	<u>Kefahaman Mendengar</u>	MCQ	10 (10)	20 (10%)	6 teks termasuk 3 teks pendek; 1 soalan bagi setiap teks pendek.
(Lebih kurang 30 min)					
	<i>Jumlah</i>		12 (12)	70 (35%)	

**SENARAI PERIBAHASA UNTUK PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU  
GCE PERINGKAT BIASA**

SN	PERIBAHASA	MAKSUD
1.	<b>ada gula adalah semut</b>	di mana ada rezeki di situlah ramai orang
2.	<b>ada kerak, adalah nasi</b>	tiap perbuatan tentu meninggalkan kesannya
3.	<b>air pun ada pasang surutnya</b>	keadaan hidup seseorang tidak tetap, adakalanya senang ada kalanya susah
4.	<b>alah bisa tegal biasa</b>	perkara yang sudah biasa dilakukan tidak akan terasa lagi kesukarannya
5.	<b>bagai hujan jatuh ke pasir</b>	kebaikan (seperti pertolongan) yang sia-sia atau tidak berbalas
6.	<b>bagai menelan mestika embun</b>	mendengar nasihat yang baik
7.	<b>bagaimana acuan begitulah kuihnya</b>	a. seseorang anak itu akan menurut budi dan perangai ibu bapanya b. keadaan sesuatu itu menurut asalnya
8.	<b>belakang parang pun jikalau diasah nescaya tajam</b>	seseorang yang bodoh sekalipun, jika diajar betul-betul akan menjadi pandai
9.	<b>berani kerana benar, takut kerana salah</b>	bertindak kerana berada di pihak yang benar atau untuk menegakkan kebenaran
10.	<b>biar putih tulang, jangan putih mata</b>	a. mempertahankan sesuatu yang menjadi hak milik kita walaupun nyawa kita terancam b. lebih baik mati daripada menanggung malu
11.	<b>burung terbang dipipiskan lada</b>	merancang sesuatu yang belum pasti diperolehi
12.	<b>di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung</b>	a. apabila kita menetap di sesebuah negeri (seperti kampung, masyarakat) kita perlulah mematuhi peraturan dan undang-undang di tempat tersebut b. segala suruhan atau nasihat dituruti dan dikerjakan dengan sepenuh hati
13.	<b>diam-diam ubi berisi, diam-diam besi berkarat</b>	diam seseorang yang berilmu itu berfikir, sementara diam orang yang bodoh itu sia-sia sahaja
14.	<b>ditatang bagai minyak yang penuh</b>	sangat dikasihi dan dipelihara dengan sempurna
15.	<b>garam jatuh ke air</b>	seseorang yang sangat cepat menerima dan mudah memahami sesuatu nasihat atau pengajaran yang diberikan kepadanya



**SENARAI PERIBAHASA UNTUK PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU  
GCE PERINGKAT BIASA**

SN	PERIBAHASA	MAKSUD
16.	<b>hilang adat tegal muafakat</b>	adat lama itu boleh diubah asal dengan muafakat
17.	<b>ingat sebelum kena, jimat sebelum habis</b>	hendaklah sentiasa berhati-hati supaya jangan terpedaya dan habis harta
18.	<b>kusut di hujung, bawa ke pangkal</b>	apabila perundingan menemui jalan buntu, haruslah segera balik ke punca masalah
19.	<b>malu berkayuh perahu hanyut</b>	a. kalau tidak berusaha, tentulah susah dan kalau segan bertanya, akan membuat kesilapan b. kalau segan berusaha tidak akan mendapat kemajuan
20.	<b>ringan tulang berat perut</b>	jika rajin dan tekun berusaha melakukan sesuatu pekerjaan, maka akan murahlah rezeki
21.	<b>seperti anak ayam kehilangan ibu</b>	sekumpulan orang yang tidak tentu arah atau berpecah-pecah akibat kehilangan pemimpin atau tempat tumpuan dan pengharapan
22.	<b>sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan</b>	jika tidak boleh dicapai persetujuan dalam sesuatu mesyuarat hendaklah diselidiki kembali pokok persoalannya
23.	<b>bagaimana bunyi gendang, begitulah tarinya</b>	a. bagaimana perintah, begitulah yang harus dituruti b. bagaimana perbuatan/perkataan demikianlah balas dan jawapannya
24.	<b>berapa tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau juga</b>	a. walau ke mana juga kita pergi akhirnya akan balik ke negeri asal juga b. walau berapa tinggi pangkat akhirnya hilang juga
25.	<b>berjagung-jagung dahulu sementara menanti padi masak</b>	sementara menunggu apa yang baik, lakukanlah kegiatan/perkara-perkara yang berfaedah
26.	<b>bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi</b>	sesuatu perkara tidak akan terjadi jikalau satu pihak sahaja yang memulakannya
27.	<b>cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar</b>	berhati-hati semasa bercakap dengan orang kerana percakapan yang sembarangan boleh membawa akibat yang buruk
28.	<b>carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga</b>	perselisihan dalam kalangan kaum keluarga sendiri akhirnya akan berbaik-baik semula

**SENARAI PERIBAHASA UNTUK PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU  
GCE PERINGKAT BIASA**

SN	PERIBAHASA	MAKSUD
29.	<b>cubit paha kanan, paha kiri pun terasa juga</b>	penganiayaan terhadap keluarga sendiri akan dirasai oleh ahli keluarga yang lain
30.	<b>genggam bara api biar sampai jadi arang</b>	membuat sesuatu pekerjaan yang sukar atau susah hendaklah bersabar sehingga mencapai kejayaan
31.	<b>harapkan (mendengar) guruh dilangit, air di tempayan dicurahkan</b>	kerana mengharapkan sesuatu yang belum tentu, barang yang tersedia dilepaskan
32.	<b>hidup kayu berbuah, hidup manusia berjasa</b>	seseorang yang hidup di dunia ini mestilah berbuat baik untuk diri sendiri dan juga berjasa kepada orang lain
33.	<b>jauhari juga yang mengenal manikam</b>	orang yang bijaksana jua yang mengetahui keelokan ilmu, menghargai sifat yang mulia dan dapat menilai ketinggian mutu sesuatu barang
34.	<b>jika asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau</b>	orang yang mulia akan tetap mulia walau ke mana juga dia berada
35.	<b>ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni</b>	bermuafakat dalam sesuatu perkara senang atau susah agar sama-sama dirasai (sepakat)
36.	<b>kerbau dipegang pada talinya; manusia dipegang pada janjinya</b>	manusia yang jujur akan sentiasa dipercayai orang kerana dia tidak akan mungkir janji
37.	<b>lain padang lain belangnya, lain lubuk lain ikannya</b>	lain negeri lain adat resam dan cara pemerintahannya
38.	<b>laut mana yang tidak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan</b>	manusia tidak sunyi daripada melakukan kesalahan dan kesilapan
39.	<b>sekali air bah, sekali pasir berubah</b>	apabila bertukar ketua atau pemerintah di dalam sesebuah negara, maka cara hidup pun berubah juga
40.	<b>seperti buah padi, makin berisi makin rendah; jangan seperti lalang, makin lama makin tinggi</b>	semakin berilmu atau tinggi pangkat semakin merendahkan diri (tidak sombong)
41.	<b>seperti ketam menyuruh anaknya berjalan betul</b>	tiada berguna menasihati orang lain, kalau kelakuan sendiri tiada sesuai dengan apa yang dinasihatkannya itu
42.	<b>seperti tikus jatuh ke beras</b>	a. orang yang dapat kedudukan yang mewah b. seseorang yang beroleh kekayaan atau keuntungan tetapi tidak mahu menceritakannya kepada orang lain

**SENARAI PERIBAHASA UNTUK PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU  
GCE PERINGKAT BIASA**

SN	PERIBAHASA	MAKSUD
43.	<b>tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan</b>	sesuatu yang baik dan mulia akan kekal sepanjang masa
44.	<b>takut titik lalu tumpah</b>	hendak mengelakkan kerugian kecil akhirnya mendapat kerugian besar
45.	<b>air yang dingin juga yang dapat memadamkan api</b>	perkataan yang lembut juga yang dapat mendinginkan hati orang yang sedang marah
46.	<b>belum disuruh sudah pergi, belum dipanggil sudah datang</b>	cerdik dan rajin
47.	<b>baik membawa resmi ayam betina</b>	seseorang itu hendaklah selalu merendah diri dalam tutur kata dan perbuatan supaya tidak dibenci oleh orang lain dan selamat dalam hidup
48.	<b>berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul</b>	sesusah-susah orang yang melihat penderitaan seseorang itu tentulah tidak sama dengan penanggungan orang yang menderita itu sendiri
49.	<b>besar kapal, besar gelombang</b>	makin tinggi pangkat atau makin besar perniagaannya, maka makin besar pula tanggungjawabnya
50.	<b>biduk lalu kiambang bertaut</b>	lebih baik jangan dicampuri perselisihan orang yang bersanak saudara kerana akhirnya mereka akan berbaik semula
51.	<b>hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah</b>	a. pembahagian yang sama rata dan adil b. sama-sama menikmati kesenangan dan kesusahan
52.	<b>hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, baik juga di negeri sendiri</b>	walaupun bagaimana mewah atau makmur sekalipun negeri orang, negeri sendiri juga yang lebih baik
53.	<b>jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh mendapat sagunya</b>	tidak akan tercapai cita-cita tanpa usaha yang gigih
54.	<b>jika ular menyusur akar, tidak akan hilang bisanya</b>	orang besar atau mulia tidak akan hilang martabatnya jika ia merendahkan dirinya sekalipun
55.	<b>kalau kail panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga</b>	jika ilmu atau kebolehan kita sedikit, janganlah kita cuba melawan orang atau berbuat sesuatu yang besar

**SENARAI PERIBAHASA UNTUK PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU  
GCE PERINGKAT BIASA**

SN	PERIBAHASA	MAKSUD
56.	<b>kilat di dalam kilau, kabus di dalam hujan</b>	dalam percakapan atau tingkah laku seseorang, terkandung kemahuannya
57.	<b>melentur buluh biarlah dari rebung</b>	mengajar atau mendidik anak biarlah daripada kecilnya kerana apabila telah besar, keras hatinya dan perangnya susah dibentuk
58.	<b>membuang garam ke laut</b>	membuat sesuatu yang tidak memberikan faedah
59.	<b>meski tertimbun dalam tanah, namun teras timbul juga</b>	a. seseorang yang berbudi baik itu sekali pun dalam melarat tetap berbudi dan berhati mulia b. meskipun kebenaran itu belum terang, lambat laun akan menjadi kenyataan juga
60.	<b>nasi tak dingin pinggan tak retak</b>	orang yang cermat membuat pekerjaannya, walaupun banyak kerja jarang yang rosak
61.	<b>pagi tidak dibuang, senja tidak dikejar</b>	menggunakan masa dengan sebaik-baiknya
62.	<b>pelepah bawah luruh, pelepah atas jangan gelak</b>	tiap-tiap yang bernyawa akan mati juga sudahnya, baik tua, muda ataupun anak-anak kecil
63.	<b>sebab buah dikenal pohonnya</b>	daripada tingkah laku seseorang itu kita dapat mengetahui atau mengenali watak dan asal seseorang
64.	<b>seperti harimau menyembunyikan kukunya</b>	orang yang bijaksana tetapi menyembunyikan pengetahuan dan kebolehannya
65.	<b>seperti labah-labah cinta kepada telurnya</b>	perihal kasih sayang yang mendalam sekali dan sukar diceraikan
66.	<b>belayar sampai ke pulau</b>	membuat pekerjaan sehingga sempurna
67.	<b>hutang emas dapat dibayar, hutang budi dibawa mati</b>	budi bahasa orang tidak dapat dibalas dengan wang dan harus diingat seumur hidup
68.	<b>kalau gajah hendaklah dipandang gadingnya, kalau harimau hendaklah dipandang belangnya</b>	sesuatu perkara itu perlu disiasat dahulu dengan teliti dan tidak boleh setakat mendengar cakap-cakap orang sahaja
69.	<b>kemenyan sebesar lutut, tidak dibakar takkan berbau</b>	tidak ada gunanya ilmu pengetahuan yang disimpan sahaja
70.	<b>kuat burung kerana sayap, kuat ketam kerana sepit</b>	kuat atau berkuasa kerana sesuatu kelebihanannya

**SENARAI PERIBAHASA UNTUK PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU  
GCE PERINGKAT BIASA**

SN	PERIBAHASA	MAKSUD
71.	<b>ikut hati mati, ikut rasa binasa, ikut mata leta</b>	orang yang mengikutkan hawa nafsunya akhirnya akan binasa
72.	<b>menepuk air di dulang, terpercik ke muka sendiri</b>	menceritakan cacat cela kaum keluarga maka diri sendiri juga yang mendapat malu
73.	<b>pisang tidak berbuah dua kali</b>	manusia harus beringat-ingat supaya perkara yang tidak baik yang dialaminya tidak berulang lagi
74.	<b>rosak badan kerana penyakit, rosak bangsa kerana laku</b>	penyakit yang dihadapi itu boleh merosakkan keelokan rupa kita, begitu juga kelakuan yang keji itu boleh merosakkan nama baik bangsa kita
75.	<b>seperti menghela rambut dalam tepung, rambut jangan putus tepung jangan berserak</b>	<p>a. bersikap bijaksana dalam menyelesaikan sesuatu masalah</p> <p>b. menghukum hendaklah dengan seadil-adilnya, sehingga kedua-dua belah pihak berasa puas</p>
76.	<b>tangan mencencang bahu memikul</b>	kesalahan yang kita buat itu kita sendirilah yang menanggungnya
77.	<b>tiada rotan akar berguna</b>	kalau tidak ada yang baik sekali, yang kurang baik pun berguna juga
78.	<b>tukang tidak membuang kayu</b>	orang yang cerdik, sayang akan sekalian macam orang kerana masing-masing ada gunanya
79.	<b>umpama duduk seperti kucing, melompat seperti harimau</b>	pendiam tetapi cekap bekerja dan pintar
80.	<b>yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran</b>	keuntungan yang diharapkan tidak diperoleh sedangkan keuntungan yang di dalam tangan habis hilang

## **RUBRIK PEMARKAHAN**

**RUBRIK PEMARKAHAN  
KERTAS 1 (PENULISAN FUNGSIONAL DAN PENULISAN ESEI)**

**PANDUAN PENILAIAN PEMARKAHAN**

Semasa menilai aspek-aspek **ISI** dan **BAHASA, ORGANISASI & FORMAT**, bubuh tanda pada semua kesilapan dan idea yang dikemukakan calon, bukan sekadar memberikan markah sahaja. Gunakan penilaian berikut sebagai panduan:

**ISI**

<b>Band/ Penerangan</b>	<b>Band 1 Penulisan E-mel (7–8)  Penulisan Esei (16–20)</b>	<b>Band 2 (Atas) Penulisan E-mel (6)  Penulisan Esei (13–15)</b>	<b>Band 2 (Bawah) Penulisan E-mel (5)  Penulisan Esei (11–12)</b>	<b>Band 3 (Atas) Penulisan E-mel (4)  Penulisan Esei (8–10)</b>	<b>Band 3 (Bawah) Penulisan E-mel (3)  Penulisan Esei (6–7)</b>	<b>Band 4 Penulisan E-mel (0–2)  Penulisan Esei (0–5)</b>
<b>Kecukupan</b>	idea, perincian dan penerangan lebih daripada mencukupi	idea, perincian dan penerangan banyak	idea mencukupi, terdapat perincian dan penerangan	idea, perincian dan penerangan agak mencukupi	idea, perincian dan penerangan tidak mencukupi	idea, perincian dan penerangan amat tidak mencukupi
<b>Kerelevanan</b>	idea relevan sepenuhnya	kebanyakan idea relevan	beberapa idea relevan	sedikit idea yang relevan	idea kadangkala relevan	idea hampir tidak relevan/tidak relevan sepenuhnya
<b>Perkembangan</b>	idea dikembangkan dengan sangat jelas	idea dikembangkan dengan jelas	idea dikembangkan dengan secukupnya	idea menerawang/agak berulang-ulang	kebanyakan idea bercebis-cebis/berulang-ulang	idea kabur dan mengelirukan

**Nota:** Penulisan yang mengandungi idea yang lebih menarik dan asli akan diberikan markah yang lebih.

## BAHASA, ORGANISASI &amp; FORMAT

Band/ Penerangan	Band 1 Penulisan E-mel (10–12) Penulisan Esei (16–20)	Band 2 (Atas) Penulisan E-mel (8–9) Penulisan Esei (13–15)	Band 2 (Bawah) Penulisan E-mel (7) Penulisan Esei (11–12)	Band 3 (Atas) Penulisan E-mel (5–6) Penulisan Esei (8–10)	Band 3 (Bawah) Penulisan E-mel (4) Penulisan Esei (6–7)	Band 4 Penulisan E-mel (0–3) Penulisan Esei (0–5)
<b>Tatabahasa &amp; Struktur</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>tidak ada kesilapan besar; sedikit sahaja kesilapan kecil</li> <li>struktur ayat amat pelbagai</li> <li>kata hubung dan penanda wacana amat pelbagai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>sedikit kesilapan besar dan kecil</li> <li>struktur ayat pelbagai dan sesuai tetapi tidak semestinya menonjol</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>sedikit kesilapan besar, beberapa kesilapan kecil</li> <li>struktur ayat pelbagai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>kesilapan besar yang ketara</li> <li>ayat-ayat singkat dan mudah; beberapa ayat kompleks</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>banyak kesilapan besar yang ketara/pada keseluruhannya, tatabahasa betul kerana tidak berani mengambil risiko</li> <li>struktur ayat rosak</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>kesilapan besar yang pelbagai</li> <li>susunan perkataan bercelaru</li> </ul>
<b>Kosa Kata</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>kosa kata luas, sesuai dan pelbagai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>kosa kata sesuai dan pelbagai tetapi tidak semestinya menonjol</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>kosa kata pelbagai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>kosa kata terhad</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>kesilapan dalam menggunakan kosa kata yang asas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>kesilapan besar dalam menggunakan kosa kata</li> </ul>
<b>Organisasi &amp; Mekanik/Format</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>susunan dan pemerenggan amat baik</li> <li>format betul sepenuhnya</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>susunan dan pemerenggan baik</li> <li>kesilapan format amat sedikit</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>susunan dan pemerenggan memuaskan</li> <li>sedikit kesilapan format</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>terdapat susunan dan pemerenggan</li> <li>beberapa kesilapan besar dari segi format</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>susunan dan pemerenggan lemah</li> <li>banyak kesilapan besar dari segi format</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>susunan dan pemerenggan bercelaru</li> <li>format bercelaru</li> </ul>



**RUBRIK PEMARKAHAN  
KERTAS 3 (LISAN)**

**BACAAN LANTANG (10 MARKAH)**

BAND	BAND 1	BAND 2	BAND 3	BAND 4
MARKAH	9 – 10	6 – 8	3 – 5	1 – 2
<b>Sebutan &amp; Pengucapan dan Kelancaran &amp; Rentak (10 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ sebutan hampir sempurna</li> <li>▪ pengucapan amat jelas</li> <li>▪ lancar dan kelajuannya sesuai</li> <li>▪ tekanan dan rentak sesuai</li> <li>▪ intonasi pelbagai dan sesuai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ sekali-sekala, terdapat kesilapan dalam sebutan</li> <li>▪ kebanyakan masanya, pengucapan jelas</li> <li>▪ pada umumnya, lancar</li> <li>▪ kesilapan kecil dalam tekanan dan rentak</li> <li>▪ kebanyakan masanya, intonasi pelbagai dan sesuai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ beberapa kesilapan yang ketara dalam sebutan</li> <li>▪ pada umumnya, pengucapan jelas</li> <li>▪ agak tersekat-sekat</li> <li>▪ beberapa kesilapan dalam tekanan dan rentak</li> <li>▪ intonasi agak pelbagai dan sesuai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ kebanyakan masanya, sebutan tidak tepat</li> <li>▪ pengucapan tidak jelas</li> <li>▪ sering tersekat-sekat</li> <li>▪ banyak kesilapan dalam tekanan dan rentak</li> <li>▪ tiada atau sedikit sahaja kepelbagaian dan penggunaan intonasi yang sesuai</li> </ul>

**NOTA:**

*Rentak: Rentak termasuk pola intonasi, tekanan suara pada perkataan dalam ayat dan jeda-jeda yang betul.*

## PERBUALAN (40 MARKAH)

BAND	BAND 1	BAND 2	BAND 3	BAND 4
MARKAH	16 – 20	11 – 15	6 – 10	1 – 5
<b>Respons Peribadi &amp; Pengembangan Idea</b> (20 markah)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ memberikan respons peribadi yang difikirkan dengan teliti terhadap topik perbualan</li> <li>▪ mengembangkan idea dengan jelas dan koheren</li> <li>▪ berupaya mengembangkan idea dengan menggunakan contoh/ilustrasi</li> <li>▪ sentiasa berupaya mengekalkan perbualan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ memberikan respons peribadi yang menunjukkan pemahaman terhadap topik perbualan</li> <li>▪ mengembangkan kebanyakan idea dengan jelas dan koheren</li> <li>▪ berupaya mengembangkan kebanyakan idea dengan menggunakan contoh/ilustrasi</li> <li>▪ kebanyakan masanya, berupaya mengekalkan perbualan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ memberikan respons peribadi yang mudah sahaja terhadap topik perbualan</li> <li>▪ mengembangkan beberapa idea dengan agak jelas dan koheren</li> <li>▪ berupaya mengembangkan beberapa idea dengan menggunakan contoh/ilustrasi</li> <li>▪ kadangkala berupaya mengekalkan perbualan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ hampir tidak dapat memberikan sebarang respons peribadi terhadap topik perbualan</li> <li>▪ hampir tidak berupaya mengembangkan idea dengan jelas dan koheren</li> <li>▪ tidak berupaya mengembangkan kebanyakan idea dengan menggunakan contoh/ilustrasi</li> <li>▪ hampir tidak berupaya mengekalkan perbualan</li> </ul>
<b>Bahasa &amp; Kelancaran</b> (20 markah)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ menggunakan kosa kata dan bentuk ayat yang sesuai dan pelbagai dengan baik</li> <li>▪ menggunakan sebutan yang sangat baik dan intonasi yang sesuai dalam perbualan</li> <li>▪ lancar dan kelajuan sesuai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ menggunakan kosa kata yang pelbagai dan sesuai dengan memadai serta bentuk ayat yang mudah</li> <li>▪ menggunakan sebutan yang baik dan intonasi yang sesuai dalam perbualan</li> <li>▪ pada umumnya, lancar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ menggunakan kosa kata dan bentuk ayat yang asas dan kadangkala tidak sesuai</li> <li>▪ membuat beberapa kesilapan dalam sebutan dan intonasi dalam perbualan</li> <li>▪ beberapa kali tersekat-sekat dan terhenti pada waktu yang tidak sesuai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ menggunakan kosa kata dan bentuk ayat yang asas dan kadangkala tidak sesuai</li> <li>▪ membuat banyak kesilapan dalam sebutan dan intonasi dalam perbualan</li> <li>▪ kerap tersekat-sekat dan terhenti pada waktu yang tidak sesuai</li> </ul>